

**NO. SOALAN: 23**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK AARON AGO ANAK DAGANG  
[ KANOWIT ]**

**TARIKH : 10 JUN 2015**

**RUJUKAN : 8069**

**SOALAN:**

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [ Kanowit ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan terhadap golongan melampau yang akan membawa kesan buruk kepada kedamaian negara dan keharmonian antara kaum dan agama di negara ini.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kerajaan memandang serius terhadap sebarang tindakan oleh golongan pelampau yang cuba membawa sentimen negatif yang boleh menjejaskan sensitiviti di antara kaum dan agama di negara ini. Ini berikutan Malaysia adalah sebuah negara yang unik kerana mempunyai masyarakat yang berbilang kaum, bangsa dan agama. Sensitiviti kesemua elemen ini perlu dipelihara untuk memastikan rakyat boleh terus hidup dalam suasana harmoni, rukun dan damai di dalam negara ini. Sebarang sentimen yang menyentuh isu keagamaan dan perkauman akan ditangani oleh Kerajaan secara berhemah bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini daripada berlaku.**

**Sehubungan itu, Kementerian Dalam Negeri melalui Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telahpun mengambil tindakan secara berterusan bagi mengekang isu sedemikian berdasarkan tiga (3) pendekatan iaitu:**

- i. menjalankan aktiviti-aktiviti kempen kesedaran dan pendidikan melalui ceramah-ceramah berhubung keselamatan dan ketenteraman awam untuk menerangkan tentang bahayanya jika terlibat dengan**

**kegiatan mencetuskan ketegangan dan perbalahan antara kaum dan agama;**

- ii. menjalinkan kerjasama dengan NGO-NGO serta pemimpin-pemimpin tempatan untuk membentuk perhubungan yang baik dan persefahaman antara setiap pihak ini agar saling menghormati di antara kaum dan agama di dalam masyarakat majmuk di negara ini; dan**
- iii. melalui penguatkuasaan undang-undang termasuklah mengambil tindakan di bawah Akta Hasutan 1948 di samping undang-undang lain yang berkaitan.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Ahli-ahli Yang Berhormat juga sedia maklum, pindaan terhadap Akta Hasutan 1948 telah pun diluluskan oleh Parlimen pada sesi yang lalu. Ini menunjukkan keseriusan Kerajaan di dalam memastikan undang-undang sedia ada khususnya untuk mengekang tindakan-tindakan negatif yang boleh mengakibatkan situasi tegang di kalangan masyarakat sentiasa relevan dengan keadaan semasa. Sehubungan itu, Kerajaan akanewartakan penguatkuasaannya dalam masa terdekat setelah diperkenan oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong.**